

# Mahathir dedah cita2 jadi (P) PM semenjak zaman Tunku

UTJ  
JITRA 8 JUN 1982

Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan rahsiannya selama ini beliau sebenarnya telah bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri sejak di zaman Tunku Abdul Rahman lagi.

"Tetapi cita-cita ini tidak diberitahu kepada sesiapa pun," tegasnya ketika memecahkan rahsia tersebut petang ini.

Menurutnya, beliau terpaksa menunggu giliran untuk menjadi Perdana Menteri selepas Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan kemudiannya Tun Hussein Onn.

"Selepas itu barulah saya berpeluang untuk menjadi Perdana Menteri," ujarnya.

Perdana Menteri mendedahkan rahsia ini ketika berucap di majlis kesyukuran atas kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu yang berlangsung di pekarangan Sekolah Kebangsaan Malau di sini petang ini.

Dalam hubungan ini, Presiden UMNO itu mengingatkan ahli-ahli

UMNO supaya bersatu padu dan jangan berpecah belah di antara satu sama lain.

"Kalau UMNO berpecah belah, UMNO tidak berkesan lagi," tegas beliau.

Sebaliknya menyatakan ahli-ahli UMNO boleh berlawan dalam mendapatkan sesuatu tetapi jangan sampai ianya menimbulkan perpecahan dalam parti.

Katanya, "apa juga usaha yang memecah belah ini adalah usaha yang tidak baik."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyeru golongan muda mesti membuang sikap sanggup bekerja tapi sebaliknya sanggup bekerja dalam berbagai-bagai bidang.

Perdana Menteri menegaskan, "kalau kita tidak sanggup bekerja semamata kerana kita orang Melayu, sampai bilapun kita akan dihina."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga telah menyempurnakan nazar 'mandi air limau' bagi menunaikan niat keluarga Encik Hanafiah bin Mat dan

isteri serta dua orang anaknya di akhir majlis tersebut.

Turut menyempurnakan nazar tersebut Datuk Haji Osman Arof ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra yang juga Exco kerajaan negeri, Haji Hanafi

Ramli ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang dan Setiausaha UMNO bahagian Kubang Pasu, Ustaz Abu Bakar Hussein yang juga selaku wakil peribadi Datuk Sri Dr. Mahathir bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu.